

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 28 JULAI 2020

SOALAN

YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan bersetuju untuk menggantikan sistem Pemenang Undi Terbanyak (First-Past-The-Post) FPTP dengan sistem Perwakilan Berkadar (PR) yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Khas Pembentukan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) atau sistem Perwakilan Bercampuran yang dicadangkan oleh Bersih 2.0.

JAWAPAN : (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa terbuka untuk meneliti cadangan-cadangan penambahbaikan daripada pelbagai pihak termasuklah cadangan untuk menukar sistem pilihan raya daripada *First Past The Post* kepada sistem Perwakilan Berkadar atau sistem Perwakilan Bercampuran.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jawatankuasa Pembentukan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (*Electoral Reform Committee - ERC*), Jabatan Perdana Menteri sedang meneliti sistem pilihan raya sedia ada dan mengkaji kesesuaian sistem-sistem pilihan raya yang lain termasuklah cadangan sistem Perwakilan Berkadar dan sistem Perwakilan Bercampuran. Sekian, terima kasih.